

# **BAB KEENAM**

## BAB KEENAM

### KESIMPULAN DAN PENUTUP

#### 6.1 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penganalisaan yang telah dijelaskan sebelum ini dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa kaunseling merupakan suatu penemuan disiplin ilmu yang dibangunkan secara teratur oleh para sarjana Barat. Mereka tidak dapat menolak hakikat bahawa Islam secara konsep dan amalannya adalah berkait rapat dengan beberapa unsur yang dibahaskan dalam disiplin kaunseling. Sebagai contoh suatu aspek penting dalam dakwah iaitu *tazkiyah* (pembersihan diri) sebagai menghampiri disiplin kaunseling yang membicarakan unsur-unsur kejiwaan diri manusia. Secara lebih khusus, kaunseling dalam konteks *tazkiyah* adalah sebahagian daripada disiplin ilmu dakwah yang mempunyai sikap yang luas itu. Walau bagaimanapun, dakwah dan kaunseling berpecah kepada dua bahagian yang berbeza (Islam dan Barat) tetapi iaanya dapat diharmonikan menerusi proses kaunseling.

Kepentingan maklumat mengenai hal-hal manusia atau psikologi dalam dakwah juga ditekankan oleh para sarjana Islam yang lain. Sebagai contoh, seorang sarjana pendidikan dari Indonesia H.M. Mohd. Ariffin M. Ed menyatakan bahawa psikologi dakwah membahaskan kegiatan aktiviti

rohaniah insan dilihat dari aspek individu dan kemasyarakatannya. Kedua-dua aspek ini ternyata amat berkesan dalam proses kegiatan dan perancangan dakwah Islamiyah di mana psikologi dakwah memberikan petunjuk tentang situasi dan kondisi aspek kejiwaan sasaran dakwah dari segi personal dan sosialnya. Berdasarkan kenyataan ini, objektif psikologi dakwah dalam proses pengembangan melalui analisisnya terhadap aspek kehidupan psikososial adalah menjadi dasar penting untuk dicantumkan dalam proses kegiatan dan perancangan dakwah yang mana para *da'i* (pendakwah) merupakan faktor yang saling kait-mengait antara satu sama lain. Oleh kerana itu, pandangan psikologi masyarakat perlu ditemukan secara formal sebagai cara yang mempercepatkan lagi proses kejayaan dakwah Islam dalam segala aspeknya sebagai risalah untuk semua masyarakat.

Istilah nasihat yang menjadi inti perbincangan dalam ilmu kaunseling sebenarnya merupakan salah satu daripada kaedah teras dalam ilmu dakwah. Rasulullah (s.a.w) sendiri menegaskan bahawa Islam adalah agama nasihat. Islam juga terlebih dahulu dan secara lebih terperinci pula mendalamai kelakuan serta sifat manusia sama ada zahir dan batin menyediakan asas yang kukuh bagi perlaksanaan dakwah yang menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada perbuatan yang mungkar. Hakikat ini berdasarkan dua firman Allah (s.w.t):

وَلَا تُكُنْ مِّنَ الظَّالِمِينَ  
يُدْعَوْنَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَا يُنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

*"Hendaklah ada di antara kamu suatu umat yang memerintah kepada kebaikan dan melarang kemungkaran. Mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan"*

Firman Allah (s.w.t):

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْمُسَيْنَةِ وَجَدِّلْهُمْ  
بِالْقِيَّاهِ هَيْ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ  
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ﴿١٥﴾

Maksudnya:

*"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat yang baik, dan berdebatlah dengan mereka yang engkau serukan itu) dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dilah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang sesat dari jalanNya dan dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk"*

Kedua-dua ayat di atas menggambarkan hubungan langsung di antara dakwah dan kaunseling. Ayat pertama secara umumnya menggesa kewajipan umat Islam supaya menyeru *makruf* (kebaikan) dan mencegah kemungkaran.

Ia juga secara tidak langsung membawa pengertian bahawa umat Islam perlu menubuhkan suatu institusi bagi menangani perkara tersebut.

Ayat kedua pula mengaitkan kalimah *ud'u* (serulah) dengan tiga kaedah iaitu *hikmah* (bijaksana), *maw'izah* (nasihat) dan *mujadalah* (debat). Ketiga-tiga kaedah ini mempunyai kaitan yang rapat dengan pendekatan kaunseling moden. Kaedah perama iaitu *hikmah* (bijaksana) mempunyai pengertian yang luas.

Hikmah bagi para pendakwah (*da'i*) ialah bersifat dengan sifat-sifat kenabian (benar, amanah, cerdik dan tabligh), berlaku adil, bersabar dan mempunyai ilmu serta pengalaman yang luas. Kaedah kedua iaitu *maw'izah* (pengajaran) adalah secara jelas mengaitkan nasihat atau kaunseling sebagai cara berdakwah. Ahli-ahli tafsir mentafsirkan *wa'z* (memberi kesedaran atau nasihat) dengan beberapa pentafsiran. Di antaranya adalah sebagai berikut:

- i. Menghindarkan diri manusia dari keburukan dengan cara menimbulkan kegemaran dan perangsang untuk meninggalkannya dan menanamkan rasa tidak melakukannya lagi. Cara ini dapat menimbulkan hati mereka yang akan membawanya kepada rasa kusut.
- ii. Memberi rasa kepada pendengar-pendengar bahawa *wa'z* atau nasihat itu ialah untuk kebaikan mereka sendiri.

- iii. Nasihat yang disampaikan dengan lemah lembut sehingga ia dapat meresap ke dalam hati dengan halus dan mendalam serta dapat masuk ke dalam jiwa dengan lembut.

Nasihat bukanlah tengking hardik dan celaan dan bukan dengan mendedahkan kesalahan yang berlaku dengan sebab jahil atau bertujuan baik. Lemah lembut dalam menasihati dapat memberi petunjuk kepada hati yang sihat dan dapat menjinakkan hati yang liar serta dapat medatangkan natijah yang baik.

Berdebat yang menjadi pendekatan terakhir dalam ayat di atas boleh dikaitkan dengan proses kaunseling, khususnya dalam keadaan yang tertentu dan situasi. Diskusi dalam dakwah bertujuan untuk menjauhkan pendengar (*mad'u*) dari merasakan bahawa pendakwah (*da'i*) itu menyerang akidah dan kehormatan mereka. Sebaliknya, pendakwah digalakkan supaya menjadi rakan sebaya yang paling hormat menghormati dalam menintis kebenaran. Dalam suasana seperti ini, dakwah hidup bersama-sama orang di dakwah (*mad'u*). Mereka yang kurang merasa tertekan tetapi merasa seperti dimuliakan dan diraikan. Tiada yang kalah atau menang dalam perdebatan ini tetapi yang ada ialah usaha bersama untuk mencari kebenaran. Pendekatan diskusi dalam dakwah seperti ini sebenarnya kerap kali berlaku dalam proses kaunseling dalam bentuk perbincangan bagi menyelesaikan masalah.

Petikan dari tafsiran ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa kaunseling boleh berperanan dalam dakwah kerana kedudukannya mempunyai hubungan yang amat rapat. Kaunseling boleh dijadikan alat untuk kepentingan dakwah seperti membina kerohanian, membentuk jasmani yang sihat, membentuk akhlak yang baik, membina akal yang sihat, memberi kesedaran tentang matlamat kehidupan insan dan mendorong ke arah melakukan ibadah dengan memberi kefahaman tentang konsep ibadah dalam Islam.

Unsur-unsur kaunseling seperti pembinaan diri, nasihat dan diskusi sebenarnya adalah sebahagian daripada pendekatan dakwah. Justeru itu, kefahaman terhadap kaunseling boleh dijadikan asas dalam penerokaan suatu bentuk pendekatan dalam dakwah. Penemuan baru dalam kaunseling moden pula (sekiranya selaras dengan Islam) pasti memberi manfaat kepada pendekatan dakwah itu sendiri iaitu dijadikan alat untuk berdakwah. Ringkasnya kaunseling memainkan peranan di dalam dakwah kerana keduaduanya saling berganti dalam menjayakan perkembangan dan kepentingan dakwah Islamiyah walaupun mungkin terdapat perbezaan yang ketara dalam konsep dan pendekatan masing-masing.

Dalam konteks perkhidmatan kaunseling di UKK Institut Teknologi MARA (ITM) pula, kaunseling sebagai satu profesion amat diperlukan sebagai langkah ke arah penyelesaian masalah masa kini. Dalam konteks

perkhidmatan kaunseling, kaunselor adalah orang yang bertanggungjawab membimbing klien yang bermasalah. Di mana dalam proses tersebut kaunselor cuba membantu klien untuk membuat penyesuaian peribadi, sosial dan emosi agar ia dapat berfungsi dengan lebih dinamik dan seterusnya mampu membuat persepsi masa depan sendiri secara yang lebih tepat selaras dengan amalan tradisi yang berteraskan agamanya.

Kesedaran tentang peri pentingnya perkhidmatan kaunseling bukan sahaja dirasakan di peringkat individu. Bahkan ia telah berkembang di kalangan masyarakat pelajar termasuk di peringkat pengajian tinggi khususnya di ITM. Institut pada dasarnya ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pendidikan, turut mengambil inisiatif mewujudkan perkhidmatan kaunseling. Kewujudannya dirasakan penting supaya matlamat penubuhan ITM yang ingin melahirkan pelajar yang terdidik dan terlatih secara seimbang dari segi pencapaian akademik, profesional; kehidupan sosial dan pemupukan akhlak dapat dicapai.

Namun begitu, jangkaan dan harapan pelajar terhadap keupayaan perkhidmatan unit kerjaya dan kaunseling lebih banyak bergantung kepada sejauhmana kefahaman mereka terhadap pengertian konsep perkhidmatan itu sendiri. Terutama dari aspek peranan kaunselor, penglibatan klien, pendekatan yang digunakan dan teknik serta proses kaunseling tersebut.

Melihat kepada cara perlaksanaan proses kaunseling di Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM, penulis menyatakan ada unsur-unsur dakwah yang digunakan dalam perkhidmatannya. Ini dapat dibuktikan dengan pendekatan yang digunakan dalam menangani masalah pelajar dan segala aktiviti atau program yang dilaksanakan oleh unit adalah untuk kebaikan kesejahteraan pelajar-pelajar. Sesuatu perkara yang dilakukan untuk kebaikan dan kesejahteraan manusia ia merupakan tuntutan dalam Islam.

Begitu juga dengan kes-kes yang dirujukkan ke unit kaunseling kebanyakannya melibatkan pelajar-pelajar Melayu yang beragama Islam dan kes-kes yang dihadapi agak serius, sudah tentu ia memerlukan pendekatan yang bukan hanya dapat menyelesaikan masalah mereka tetapi apa yang penting lagi ialah pendekatan tersebut dapat menyedarkan sifat naluri yang ada pada individu itu.

## 6.2 SARANAN

Berdasarkan kepada huraiyan yang telah lalu, di bawah ini penulis perturunkan saranan untuk dijadikan landasan, renungan dan pemikiran kepada kaunselor dan juga mereka yang yang berkenaan bagi menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh individu atau klien melalui perkhidmatan kaunseling. Hasil daripada penulisan yang dibuat melalui disertasi ini, kaunseling merupakan salah satu pendekatan atau alat yang boleh diaplikasikan

untuk berdakwah. Justeru itu, untuk perkembangan selanjutnya, penulis kemukakan beberapa saranan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada pengembangan kaunseling dan dakwah Islamiyyah. Saranan-saranan tersebut ialah;

1. Orang Awam.

- i. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan suatu tugas besar dan serius yang perlu diberi perhatian dan keutamaan yang sewajarnya dan harus digarap dengan tenaga yang semaksimum mungkin. Status kaunselor (penasihat) adalah amat tinggi dalam penilaian yang sebenar kerana tugas penasihat atau pembimbing adalah kesinambungan dari tugas dakwah dalam konteks Islam yang merupakan tugas para Rasul, Nabi serta ulama. Setiap individu umat Islam perlu memahami tanggungjawab tersebut serta melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Oleh kerana itu kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan kaunseling perlu dikalangan inividu melalui pihak berkuasa atau media massa.
- ii. Perubahan hidup ke arah pembangunan negara masa kini merpuakan cabaran hebat yang begitu besar kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta masyarakat

seluruhnya. Dengan hal yang demikian, masyarakat perlu melengkapkan diri dengan persediaan-persediaan rohani dan spiritual melalui penghayatan terhadap ilmu-ilmu Islam sebaik mungkin, seterusnya menggunakan kemudahan yang ada dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

**iii.** Masyarakat seharusnya menaruh keyakinan dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kemampuan dan kredibiliti perkhidmatan kaunseling dalam usaha membantu menangani masalah individu di dalam masyarakat. Perkara ini dapat dihasilkan oleh kerjasama sepenuhnya oleh setiap individu yang bertanggungjawab ke arah memberikan perkhidmatan tersebut.

2. Pegawai Bimbingan Dan Khidmat Nasihat (Kaunselor)  
Unit Kerjaya Dan Kaunseling ITM Shah Alam.

i. Kaunselor adalah disarankan supaya mendalami ilmu dakwah bagi melaksanakan pendekatan dakwah di dalam perkhidmatan kaunseling. Ini adalah salah satu cara untuk menarik lebih ramai klien sama ada yang beragama Islam atau yang bukan beragama Islam kepada Islam kerana dengan mengenali Islam mudah menampilkkan kebenaran Islam kepada klien.

- iii. Semasa sesi kaunseling, kaunselor hendaklah menyarankan kepada klien yang beragama Islam supaya kembali kepada jalan yang diredayai oleh Allah (s.w.t) dengan menghayati al-Qur'an dan as-Sunnah, mengenal diri dan asal kejadiannya, tujuan ia dijadikan, matlamat kehidupannya, tempat kembalinya yang terakhir dan sebagainya bagi mengukuhkan keimanan kepada Allah (s.w.t).
- iv. Kaunselor disarankan supaya berusaha mencari serta mengkaji ayat-ayat al-Qur'an terutamanya mengenai bimbingan dan kaunseling. Usaha ini perlu dibuat untuk menjadi pegangan kepada kaunselor di dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling kepada klien. Kerana metode yang dijelaskan oleh Allah (s.w.t) di dalam al-Qur'an merupakan satu pendekatan yang tidak ada kekurangan atau kecacatan.
- v. Dalam usaha melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, semua pegawai-pegawai kaunselor adalah disarankan supaya dapat menunjukkan contoh teladan yang baik iaitu akhlak yang terpuji. Kerana kaunselor merupakan contoh teladan kepada klien dalam usaha mendisiplinkan pelajar atau klien.

- vi. Kaunselor hendaklah bekerjasama sepenuhnya dalam usaha memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar-pelajar dan kakitangan. Ini merupakan satu amanah yang diberikan dalam usaha mengajak kepada kebaikan dan mencegah dalam perkara-perkara kemungkaran.
3. Unit Kerjaya Dan Kaunselong/Pengurusan Dan Pentadbiran ITM.
- i. Pihak pentadbiran/pengurusan ITM perlu mencari inisiatif untuk menambah bilangan kaunselor yang ada di UKK Shah Alam. Ini memandangkan kepada pertambahan pelajar-pelajar disetiap pengambilan pelajar-pelajar baru. Dengan adanya pertambahan bilangan kaunselor dapat melicinkan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar-pelajar. Saranan penambahan kaunselor adalah mengikut kelulusan yang diperuntukkan kepada ITM.
- ii. Pihak pentadbiran/pengurusan ITM terutamanya Bahagian Latihan dan Biasiswa supaya dapat memberikan peluang kepada pegawai-pegawai kaunselor untuk melanjutkan pengajian di bidang kaunseling Islam dan dakwah sama ada di dalam atau di luar negeri. Ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada tentang kaunseling Islam dan dakwah dengan lebih mendalam

lagi. Dengan adanya kepakaran ini, UKK dapat memberikan perkhidmatan yang pelbagai di dalam kaunseling.

- iii. Unit Kerjaya dan Kaunseling hendaklah melaksanakan perkhidmatan kaunseling Islam kepada pelajar-pelajar dan kakitangan ITM. Pentadbiran unit hendaklah memaklumkan kepada pelajar-pelajar sama ada melalui program minggu wawasan siswa atau maklumat dari unit melalui saluran yang tertentu. Dengan adanya perkhidmatan ini pelajar-pelajar dapat menilai dengan positif bahawa di UKK ada perkhidmatan kaunseling Islam. Dengan ini lebih memberikan keyakinan bahawa UKK dapat melaksanakan kaunseling Islam.
- iv. Bagi meningkatkan prestasi UKK, pihak pentadbiran unit perlu bekerjasama dengan Fakulti Pendidikan di pusat-pusat Pengajian Tinggi tertentu supaya dapat menyumbangkan buah fikiran dan tenaga akademiknya untuk memberikan perkhidmatan pendidikan yang ada hubungan dengan kaunseling kepada masyarakat kampus.
- v. Kepada pihak pentadbiran/pengurusan ITM disarankan supaya dapat meningkatkan kemudahan infrastruktur di UKK bagi

menjamin keberkesanan unit dalam melaksanakan perkhidmatannya.

vi. UKK ITM Shah Alam perlu berusaha untuk memperkenalkan dan menonjolkan kepada masyarakat untuk memudahkan lagi penerimaan dan sambutan terhadap unit serta pelajar-pelajar terhadap usaha yang dijalankan. Antara saluran yang terbaik ialah melalui media massa seperti di televisyen, majalah akhbar, siaran radio dan sebagainya.